

02/11/1998

Jangan ragui kebebasan badan kehakiman

KUALA LUMPUR, Ahad - Bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim, berkata semua pihak harus menghormati undang-undang dan tidak melemahkan kebebasan badan kehakiman negara.

Mokhtar yang diberi Pengampunan Diraja selepas dihukum penjara seumur hidup berhubung kes pembunuhan seorang ahli politik pada 1983, menegaskan ketika dibicarakan, beliau tidak pernah meragui kebebasan badan kehakiman.

"Tidak ada ahli politik cuba mempengaruhi keputusan mahkamah ketika saya dibicarakan.

"Walaupun saya ketika itu menteri Kabinet, tidak sesiapa pun campur tangan dalam perbicaraan berkenaan untuk menjadikan keadaan lebih mudah bagi saya," katanya dalam satu temubual dengan New Straits Times di sini, hari ini.

Mokhtar yang juga Bendahari Umno Negeri Sembilan berkata, ketika dibicarakan, tidak pernah terlintas dalam fikiran beliau untuk meminta penyokongnya mengadakan tunjuk perasaan atau merusuh.

"Malahan, saya turut mengingatkan mereka menerusi setiausaha politik saya untuk tidak membangkitkan isu berkenaan dalam mana-mana forum, termasuk Perhimpunan Agung Umno," katanya.

Beliau berkata, golongan yang menganjurkan tunjuk perasaan terhadap kerajaan sebenarnya menghadapi risiko pihak lain mengambil kesempatan mengeksploitasi mereka dan mencetuskan rusuhan.

"Jika ini berlaku, mereka yang menganjurkan demonstrasi terbabit tidak boleh mendakwa tidak bertanggungjawab terhadap rusuhan itu," katanya.

Menurutnya, untuk mengelakkan perkara itu daripada berlaku, tunjuk perasaan berkenaan tidak seharusnya diadakan langsung.

"Malah lebih buruk, ialah pihak terbabit akan dipertanggungjawabkan jika kestabilan politik dan ekonomi negara terjejas," katanya.

Mokhtar berkata, ramai orang yang menyertai tunjuk perasaan menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam tempoh beberapa minggu lalu, tanpa mengetahui sepenuhnya faktor pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Anwar dipecat daripada Kabinet pada 2 September lalu dan Umno pada hari berikutnya.

Mokhtar berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai hak untuk memecat mana-mana menteri dan keputusan memecat ahli Umno, adalah suatu perkara yang diputuskan Majlis Tertinggi (MT).

"Mereka (penyokong Anwar) harus menyalahkan MT atau Perlembagaan Negara berikutan tindakan yang dikenakan terhadap Anwar, bukannya Perdana Menteri," katanya.

Menurut beliau, dengan mengadakan tunjuk perasaan, pihak berkenaan sebenarnya bersalah kerana cuba menjejaskan kemajuan negara.

"Mereka tidak melihat apa yang dicapai Malaysia dalam tempoh singkat ini. Mereka merasakan kejayaan negara yang kini dinikmati mereka itu, sentiasa wujud dan dicapai tanpa sebarang usaha," katanya.

Mokhtar didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi kerana pembunuhan bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Negeri Sembilan, Datuk Taha Talib - keputusan yang dipertahankan Mahkamah Persekutuan yang menolak rayuan beliau.

Mokhtar yang ketika itu menteri Kabinet dan ahli Parlimen Tampin dengan sokongan akar umbi kukuh, dijatuhkan hukuman mati pada 5 Mac 1983, kerana melakukan kesalahan berkenaan di luar rumah Taha di Kampung Seri Asahan, Gemencheh, Negeri Sembilan pada kira-kira jam 1.30 pagi pada 14 April

1982.

Rayuannya terhadap hukuman mati itu ditolak Mahkamah Persekutuan pada 23 Julai 1983.

Bagaimanapun pada 2 Mac 1984, hukuman mati diringankan kepada penjara seumur hidup oleh Lembaga Rayuan. Mokhtar dibebaskan dari penjara lapan tahun kemudian selepas menerima Pengampunan Diraja.

Sebelum ini, Dr Mahathir dalam beberapa majlis menyebut kes lampau yang mana menteri kanan terpaksa melalui proses undang-undang dengan penyokong mereka tidak melakukan tunjuk perasaan.

"Malahan, apabila pihak pendakwaraya mahu memindahkan kes itu keluar dari Tampin, saya tidak membantah," kata Mokhtar.

Mokhtar mula dikenali apabila memenangi kerusi Parlimen Rembau pada 1972. Selepas itu, beliau mendaki tangga politik negara dengan keadaan amat mengagumkan.

Ketika berusia 32 tahun, beliau menjadi timbalan menteri termuda apabila dilantik menjadi Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar pada 1974.

Pada 1980, Mokhtar dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan mengekalkan jawatan itu apabila dipilih semula ke Parlimen dalam pilihan raya umum 1982.

Beliau dilantik sebagai ahli MT Umno pada 1978 dan mengekalkan jawatan itu selepas menerima undi ketiga terbanyak dalam pemilihan parti pada 1981, tahun yang sama Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri.

(END)